


# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



AL GHAZALI

**Hitler : Hancurnya Third Reich**

Batu Caves, Selangor : PTS Publishing House, 2016.

235 ms.

ISBN 978-967-411-891-4

## ULASAN

Nazi Jerman juga dikenali sebagai Third Reich. Ia menjadi kuasa yang bukan sahaja unggul di Jerman, malah digeruni di Eropah. Nazi adalah Adolf Hitler, dan Hitler adalah Nazi. Di tangan Hitler, Nazi mula mengembangkan kuasanya ke luar Jerman. Ia akhirnya memicu kepada Perang Dunia Kedua. Untuk permulaan perang, tentera Third Reich tiada tandingan. Sehinggalah akhirnya, Hitler semakin tamak dan silap percaturan. Satu per satu kekalahan menimpa, dan pada akhirnya Hitler dan Third Reich hancurnya di Berlin.

Buku berjudul Hitler : Hancurnya Third Reich karangan Al Ghazali ini benar-benar bertepatan dengan judul yang diberikan. Buku ini tidak berkisar tentang Hitler semata-mata, tetapi lebih menjelaskan tentang setiap langkah dan taktik peperangan oleh Nazi Jerman dalam mengembangkan kuasa di sekitar Eropah. Daripada kejayaan yang dikecapi oleh Jerman bermula daripada penaklukan Poland sehinggalah kepada

kejatuhan Jerman ke pihak Tentera Berikat (Amerika Syarikat-Britain-Rusia).

Penulis menyampaikan kisah Nazi Jerman ini dalam bentuk sebuah novel. Oleh sebab itu, pembaca dapat lebih memahami dan mudah membayangkan setiap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis. Bahasa yang digunakan juga mudah dan ringkas tanpa menggunakan sebarang ayat kiasan. Walaupun berbentuk novel, penulis turut menyokong setiap peristiwa dengan fakta-fakta dan statistik yang terperinci.

Antara isi yang dapat menarik pembaca adalah rentetan sejarah penaklukan Nazi Jerman di sekitar Eropah. Penaklukan Poland oleh Nazi Jerman merupakan titik tolak bermulanya Perang Dunia Kedua. Walaupun ditentang kuat oleh Britain dan Perancis, Nazi Jerman terus mengembangkan kuasa dan pengaruhnya sehingga Austria, Czechoslovakia, Poland, Denmark, Norway, Perancis, Belgium, Luxembourg dan Belanda jatuh pada tangan Nazi Jerman.

Bagi pembaca yang meminati kisah peperangan, buku ini juga menyebut dan menjelaskan taktik-taktik peperangan yang terjadi sepanjang Perang Dunia Kedua. Antara yang menarik untuk diketahui adalah Pelan Manstein, Operasi Flau Blau, Operasi Sonnenblume, Operasi Singa Laut, Operasi Barbossa, Operasi Dragoon, Operasi Market Garden dan Operasi Citadel yang dilancarkan oleh Nazi Jerman serta Tentera Berikat.

Buku ini bukan merupakan buku biografi Hitler. Akan tetapi, tanpa Hitler, tiadalah Nazi Jerman. Tiada Nazi Jerman maka tiadalah Hitler. Walaupun buku ini menceritakan tentang sejarah penaklukan Jerman semasa Perang Dunia Kedua, ia tetap mengaitkan kesemua peristiwa dengan Fuhrernya, iaitu Hitler. Setiap operasi ketenteraan merupakan arahan terus daripada Hitler sendiri. Selain Hitler, buku ini juga menaikkan nama-nama popular dalam Nazi Jerman seperti Hermann Goring, Heinrich Himmler, Kolonel Klaus von Stauffenberg dan Jeneral Erich von Manstein.

Penulis menggambarkan Hitler adalah seorang yang bersifat degil, pendendam, berani, tidak takut untuk mengambil risiko dan setia. Akan tetapi, Hitler selain

merupakan seorang diktator yang digeruni, beliau juga merupakan seorang insan biasa. Buku ini turut menceritakan secara ringkas hubungan Hitler dengan sekutu kuatnya Benito Mussolini dan tunang yang akhirnya bergelar isteri kepadanya iaitu Eva Braun.

Pada pendapat pengulas, bab 24 "Wolfsschanze" merupakan antara bab yang penting untuk disentuh kerana di sinilah terjadinya konspirasi untuk membunuh Hitler. Walaupun Jerman di bawah pimpinan Hitler berjaya meluaskan penaklukan di sekitar Eropah, namun perang yang berterusan menjadikan rakyat menderita. Oleh kerana itu, satu konspirasi untuk membunuh Hitler telah dibuat dengan dilaksanakan oleh Kolonel Klaus von Stauffenberg menggunakan kaedah bom kimia.

Setelah mengalami zaman keagungan Jerman bermula tahun 1939, akhirnya Jerman tewas di tangan Britain, Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet pada tahun 1945. Hitler yang bersifat patriotik tidak lari meninggalkan tanah airnya seperti yang lain. Beliau bertegas untuk mati daripada mengaku kalah. Saat-saat sebelum beliau membunuh diri diceritakan dengan menarik oleh penulis. Akhirnya, beliau membunuh diri ditemani isteri tercinta, Eva Braun. Fuhrer yang menjadi kebanggaan Nazi sudah pergi buat selama-lamanya.


Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati sejarah tentang Hitler, Perang Dunia Kedua dan Nazi Jerman untuk membaca buku ini. Buku ini juga tidak berbentuk fiksyen semata-mata kerana penulis merujuk beberapa sumber ilmiah bagi menguatkan fakta-fakta yang diberikan dalam buku ini. Tambahan pula, buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana cara penyampaiannya yang bersahaja dan diceritakan menggunakan kaedah novel.

Pengulas

**Anis Binti Omar**  
Penolong Pengarah  
Pusat Bibliografi Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Hadi Fayyadh

### **Semusim di Barzakh**

Seberang Perai, Pulau Pinang : IQES Tijarah Trading,  
2016. 299 ms.

ISBN 9789671427606

## ULASAN

Tiada siapa yang pernah menjengah ke Alam Barzakh, melainkan mereka telah dijemput llahi. Realiti sebenar keadaan di Alam Barzakh hanya diceritakan oleh Allah S.W.T. di dalam Al-quran. Jadi apakah benar buku ini ingin menyingkap sesuatu yang mustahil.

Buku ini benar-benar bertepatan dengan judul yang diberikan kerana ia menyingkap kebenaran disebalik kematian dan kehidupan selepas mati. Buku ini bukan suatu fitnah atau rekaan semata-mata tetapi ia adalah berdasarkan pengalaman benar seseorang yang dipersembahkan dalam bentuk penulisan novel. Novel ini sesuai kepada sesiapa sahaja yang sedang mencari erti kehidupan dan kebenaran sebuah kehidupan yang telah dijanjikan oleh Allah S.W.T.

Buku ini telah diulang cetak sebanyak tujuh kali pada tahun 2016. Buku ini akan membawa kita untuk memahami realiti yang bakal mengubah jiwa untuk kembali mengingati Allah dan juga kematian. Elemen suspen, yang cuba diketengahkan

dalam novel ini sangat membantu pembaca bagi terus menghabiskan pembacaan. Penulis turut menimbulkan pelbagai suasana dalam perjalanan cerita Fayaddh (teraju utama novel). Penulis turut menggabungkan elemen cinta, khurafat, agama dan suasana seram diadun menjadi satu rasa dalam penghasilan buku ini yang mana rata-rata penulisan novel pasti memiliki elemen ini kerana ia merupakan kekuatan dan jiwa sesebuah buku.

Buku ini berbeza dari buku berkisar kematian yang berada dipasaran. Secara keseluruhannya persembahan dan garapan penulis cukup teliti. Bersesuaian dengan tajuk, pembaca dibawa menerjah persoalan mengenai seksaan kubur seperti yang digambarkan di dalam Al-quran. Terlalu banyak babak dan plot cerita yang mampu menjentik jiwa pembaca yang asyik bergelodak dengan dunia. Novel ini menarik kerana konflik yang ditimbulkan dalam plot mampu memberi kesedaran kepada pembaca supaya mempersiapkan diri untuk saat kematian.


Penulis berjaya menterjemahkan gambaran ilusi pengembalaan misteri beliau dengan begitu terperinci. Ini bukan suatu tugas yang mudah. Bahasa yang digunakan adalah mudah difahami dan mampu memberi kesan visualisasi sehingga mampu menyentap jiwa pembaca. Ada plot cerita yang mampu meremangkan bulu rompa pembaca. Hujah dan hadis yang turut diselitkan mampu memberi manfaat yang besar kepada pembaca.

Novel Semusim Di Barzakh ini mampu memberi kesan mendalam kepada pembaca. Dengan terbitnya karya Hadi Fayyadh ini diharap pembaca bukan hanya sekadar membaca namun mampu beroleh sesuatu untuk bekalan Akhirat. Wajarlah naskhah ini diangkat menjadi best seller lantaran penulisan yang hebat oleh penulis.

Pengulas:

**Jamiliana Bt Jamil**  
Penolong Pengarah  
Pusat Penyerahan Terbitan Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



NORHAFIZAH MUSA

**Mutiara Usrati**

Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd., 2016. 221ms.

ISBN 9789673882472

## ULASAN

Ustazah Norhafizah Musa merupakan antara pendakwah yang semakin popular dan sering muncul di kaca televisyen dan radio. Buku Mutiara Usrati sangat berlainan dari segi penyampaian dan persembahan. Membaca buku ini seperti kita berada dalam kuliah Ustazah. Tambahan pula dengan konsep Q & A dalam setiap bab. Seolah-olah ianya kuliah nyata yang kita hadiri. Terbayangkan kelembutan tutur kata dengan senyuman manis Ustazah. Ibarat kata Ustazah “Jika hati itu dekat,dakwah akan sampai. Tetapi jika hati itu jauh, puas bertepik sekalipun pasti tidak sampai”.

Buku ini merupakan himpunan tazkirah kekeluargaan yang pernah disampaikan oleh Ustazah dalam program-program beliau di televisyen atau radio. Tazkirah yang sangat terkesan, penuh dengan ilmu kehidupan sebagai ibu bapa dan juga didikan kepada anak-anak berpandukan kehidupan dan amalan Rasulullah saw serta bersesuaian dengan persekitaran semasa. Sangat padat dengan panduan didikan kepada anak-anak dalam semua peringkat umur dan permasalahan.

Ustazah juga membariskan syair karya alim, Syaikh Abdul Rahman al-Saghuri khas buat mereka yang bergelar ibu yang amat indah dan amat terkesan. Ustazah sangat bijak dalam pemilihan rujukan sama ada ayat Quran, hadis, kata-kata para alim dan syair dalam menghuraikan setiap persoalan yang diutarakan. Menjadikan penerangan beliau jelas serta menyentuh.

Buku ini disasarkan dan sangat sesuai kepada pasangan yang akan mendirikan rumah tangga, yang sedang melayari bahtera rumah tangga, yang akan bergelar ibu bapa atau yang sudah bergelar ibu bapa.

Banyak contoh yang disampaikan sebagai panduan. Setiap bab diterangkan secara santai dan menarik. Setiap bab mempunyai ilmu untuk setiap peringkat sesebuah rumah tangga. Setiap bab juga diterangkan melalui pertanyaan dan dihuraikan secara menyeluruh dan mudah difahami. Mengambil intisari rumah tangga Rasulullah saw dengan isteri-isteri Baginda sebagai contoh dalam keseluruhan perbincangan. Penerangan banyak merujuk kepada firman Allah swt, hadis, kitab-kitab para alim, pertanyaan serta huraiyan yang jelas.

Justeru buku Mutiara Usrati ini merupakan antara rujukan yang terbaik kepada mereka yang bergelar suami, isteri dan anak-anak dalam melayari kehidupan kini yang kian mencabar. Bagi merealisasikan impian agar memperoleh sebuah keluarga yang diredhai Allah S.W.T., maka buku yang sarat dengan ilmu ini boleh dipraktikkan. Contoh-contoh yang dikemukakan amat mudah difahami untuk diamalkan.

Penulis bijak mengaitkan amalan-amalan dan nilai-nilai yang perlu ada bagi seseorang Muslim agar rumah tangga yang dibina mendapat keredhaan Allah. Buku ini juga berjaya menarik minat pelbagai peringkat umur masyarakat untuk membacanya, termasuk kepada mereka yang sudah berumah tangga, bakal bergelar suami isteri, ibubapa dan anak-anak.

Bahasa yang digunakan mudah difahami dan jika terdapat kekeliruan terhadap sesuatu perkataan yang jarang digunakan, penulis juga menyediakan glosari di bahagian akhir buku berkenaan. Topik-topik yang diketengahkan juga agak menyeluruh mengenai


peranan suami, isteri dan anak-anak berlandaskan kepada ajaran Islam yang menuntut umatnya sentiasa berpegang kepada nilai-nilai Islam dalam kehidupan.

**Pengulas:**

**Noraini Bt Ya'cub**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Pembangunan Koleksi  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



AHMAD SYUKRAN BAHARUDDIN  
**Di Sebalik Fiqah Forensik.**  
Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2016. 203ms.  
ISBN 978-967-388-278-6

## ULASAN

Sains forensik ialah kemahiran untuk menyelesaikan sesuatu kes atau penyiasatan yang menggunakan aplikasi sains manakala Fiqah Forensik pula lebih menjurus kepada pemahaman melalui konteks agama Islam yang melibatkan integrasi antara bidang forensik dengan syariah Islamiyyah. Istilah ini tidak diperkenalkan oleh mananya ulama secara langsung namun ia adalah suatu konsep untuk mendidik masyarakat tentang pentingnya kita memahami bidang forensik dari sudut syariah dan hubung jalannya dengan teknologi semasa demi faedah seluruh umat.

Ilmu forensik merupakan salah satu cabang daripada teknologi kini yang jarang diberi perhatian dalam perbincangan melibatkan hukum Islam. Pelbagai persoalan timbul mengenai penggunaan sains forensik dari kaca mata Islam. Oleh itu, tercetuslah idea penulisan buku ini oleh penulis apabila melihat kepada realiti semasa dalam perbahasan al-Qarinah dan sains forensik.

Bersetujuan dengan tajuk, penulis mengetengahkan beberapa perkara penting berkaitan fiqh forensik seperti perbincangan berkaitan pelbagai isu dan informasi sains forensik dari perspektif Islam. Definisi sain forensik yang diperjelaskan dengan contoh oleh ulama muktabar memudahkan pembaca untuk mendapat idea dan memahami apa itu fiq forensik.

Buku yang penuh dengan informasi ini amat bersesuaian dengan pembaca yang ingin mengetahui dan mendalami ilmu forensik. Penulis bijak membuat huraian tentang sains forensik terkini olahan pendapat peribadi penulis yang dikukuhkan dengan fakta yang sahih, dalil serta penghuraian nas daripada al-Quran dan Sunnah dapat membantu memberi kefahaman yang tuntas tentang hukum syarak kepada pembaca.

Kesimpulannya, buku yang ditulis oleh Ahmad Syukran Baharuddin ini sangat bermanfaat untuk dimiliki oleh setiap golongan masyarakat bagi menimba ilmu yang lengkap, padat dan mudah difahami dalam bidang ini. Glosari dan bibliografi turut disediakan yang amat membantu member kefahaman tentang perkara yang disampaikan.

Semoga dengan hadirnya buku ini dapat menjadi sumber rujukan tentang sains forensik serta dapat mengisi lompong dalam perbincangan berkenaan bidang ini serta sebagai salah satu usaha dakwah yang bersendikan fiqah.


**Pengulas:**

**Manirah binti Mansor**

Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Pembinaan Koleksi  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



DR. MASZLEE MALIK  
IS/ISIL/DAESH ISIS  
Batu Caves, Selangor : PTS Publishing House Sdn. Bhd,  
2016. 133ms.  
ISBN: 978-967-411-895-2

## ULASAN

Buku ini menghimpunkan tulisan-tulisan para ilmuan, ulama dan pengkaji bagi memperkenalkan IS, fikrah mereka, pandangan para ulama kontemporari terhadap mereka, segala yang berkaitan dengan penglibatan mereka dalam isu Iraq dan Syria, dan juga menganalisis faktor-faktor yang membawa kepada aktiviti ekstremis medan keganasan, serta beberapa perbincangan tentang jihad yang sebenar dalam Islam.

Menyalak lembaran awal penulisan dalam buku ini, pembaca diperkenalkan dengan siapakah ISIS sebenarnya, bagaimana tertubuhnya fenomena mengejutkan pada masa kini iaitu Da'esh, atau pun lebih dikenali ramai sebagai ISIS, ISIL atau IS. Nama ISIS secara tiba-tiba menjadi popular dan menjadi sebutan media setelah berjaya menakluk Mosul di Iraq pada 10 Jun 2014.

Selain itu, pembaca juga dibawa untuk menelusuri perjuangan ISIS itu sendiri samada ISIS itu pejuang atau pun petualang Islam. Walaupun pada awalnya mereka dianggap sebagai pahlawan bagi golongan Sunni dalam menghadapi tentera AS dan kumpulan militan Syiah, namun sedikit demi sedikit mereka mula menjadi semakin radikal. ISIS berterusan melakukan perkara pelik dan tidak dapat diterima oleh umat Islam sepenuhnya. Penulis dengan jelas menyatakan ISIS tidak menunjukkan sebarang karakter perjuangan Islam dari segi akhlak, kefahaman, pendekatan syariat, kasih-sayang, adab di medan perang, teliti dalam menghukum dan sebagainya.

Buku yang penuh dengan fakta mengenai ISIS turut menyenaraikan dan memberi pencerahan tentang fikrah ISIS takfir tehadap umat Islam yang tidak sehaluan, melabelkan negara-negara umat Islam selain IS adalah negara kafir maka wajib diperangi, menganggap kafir negara yang mengamalkan sistem demokrasi, pilihanraya dan kepartian, Dawlah Islamiyah dan Hijrah dan yang fikrah yang terakhir Syiah adalah Musyrik dan Kafir.

Buku ini amat bersesuaian dengan mereka yang ingin membuat analisa dan kajian mengenai ISIS. Selain itu, buku ini harus dibaca oleh golongan belia supaya tidak mudah terpengaruh dengan dakyah yang disebar oleh kumpulan ini. Mutakhir ini, terdapat golongan yang aktif menyebarkan pengaruh militan Daesh dengan mencari orang baharu untuk direkrut. Mereka menjerat golongan belia dengan mengelirukan belia untuk menyertai mereka sebagai jihad. Oleh itu, penghasilan buku ini amat bertepatan dengan waktu agar tiada lagi yang terpedaya dengan dakyah militan ini.

Kesimpulannya, buku ini sangat berinformasi dengan pemikiran dan sudut pandang para penyumbang artikel yang memberikan para pembaca supaya menolak IS yang mengancam keselamatan dunia dan umat Islam dewasa ini.

**Pengulas:****Shamsiah binti Deraman**


Penolong Pengarah

Pusat Bibliografi Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Mohd Arip Kasmo

### **Ekosistem hutan dan Al-Quran**

Kepong, Selangor : Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, 2015. 113ms.

ISBN 978-967-0622-30-9

## ULASAN

Buku ini memerihalkan tentang kepentingan memelihara ekosistem hutan yang merupakan ciptaan Allah S.W.T. sebagaimana yang disebut dalam Al-quran. Flora merupakan komponen tumbuh-tumbuhan manakala fauna pula terdiri daripada komponen haiwan yang terdapat dalam ekosistem hutan. Semua cerita dan perkara yang disebutkan dalam Al-Quran adalah benar sama ada menyentuh tentang alam fizikal mahu pun alam ghaib. Manusia boleh melihat, mencerap dan mengkaji alam ghaib. Alam ini merupakan ciptaan Allah maka perlu dikaji dan diteliti seperti mana yang tertulis dalam Al-Quran bahawa Allah SWT menyeru supaya manusia memerhati dan mengkaji alam yang menjadi bukti kewujudan-Nya dan menjadi bukti bahawa Dialah yang mencipta alam semesta ini. Sesungguhnya, hanya Dialah yang memberi rezeki kepada manusia.

Buku ini turut membincarakan tentang hukum saintifik yang mengawal alam semesta dan membolehkan alam ini berfungsi dengan teratur. Misalnya, hukum tentang peredaran planet-planet yang beredar mengelilingi matahari, beredar dengan teratur kerana wujudnya daya tarikan antara satu sama lain. Fotosintesis berlaku dengan adanya cahaya matahari, hujan terbentuk kerana adanya angin dan sebagainya. Al-Quran

merupakan ayat Allah SWT yang perlu dibaca, difahami, diteliti dan dikaji bagi menjelaskan lagi tentang fenomena alam dan hukum-hukum saintifik. Gandingan Al-Quran yang merupakan ayat-ayat Allah SWT yang dibaca (al- Maqrū'ah) dan alam ini yang merupakan ayat Allah yang diperhatikan (al- Manzurah).

Al-Quran tidak menceritakan tentang ekosistem secara langsung, namun Al-Quran banyak memperkatakan tentang tumbuh-tumbuhan, air, sungai, mata air, tanah, hujan, gunung-ganang, serangga, burung dan sebagainya yang apabila dirangkum kini disebut sebagai ekosistem. Hutan merupakan salah satu kurniaan Allah S.W.T. yang amat besar untuk umat manusia, maka ianya harus dipelihara supaya komponen dalam ekosistem ini sentiasa seimbang.

Adalah menjadi tanggungjawab kita umat manusia untuk memastikan kurniaan Allah ini ditadbir dengan baik supaya keseimbangan komponen dalam ekosistem hutan dapat dikekalkan. Tafsir Ibn Kathir yang dikarang oleh Imam Abu Al-Fida, Imam Ad-Din Ismail bin Umar bin Kathir Al-Quraishi Al-Busrawi (1301-1373) dimasukkan ke dalam buku ini untuk memberi penjelasan tentang ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan fenomena alam. Tafsir Ibn Kathir yang merupakan sebuah tafsir mu'tabar dimasukkan ke dalam penulisan ini untuk memastikan bahawa penjelasan-penjelasan sains tidak lari daripada maksud asal.

Kesimpulannya, buku ini sesuai dibaca oleh semua peringkat umur. Pengarang menggunakan laras bahasa yang mudah difahami. Setiap bab ditulis dengan sistematik dan berkesinambungan. Setiap fakta yang diketengahkan dijelaskan dari sudut sains dan juga disokong oleh ayat-ayat yang dipetik dari Al-Quran.


---

**Pengulas:**

**Suraya binti omar**  
Penolong pustakawan S29  
Unit integriti  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Lambaian Menara Gading : Ranjau Wanita Memburu ijazah  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.  
201ms.  
ISBN 978-983-49-0317-6

## ULASAN

Wanita pada masa ini telah membuktikan bahawa mereka berkeupayaan untuk berdiri sebaris dengan lelaki menerusi kejayaan yang dicapai dalam pelbagai bidang. Salah satu faktor yang menjadi asas kepada kejayaan wanita adalah tahap akademik yang mereka miliki. Pelbagai cabaran, susah dan senang perlu mereka tempuh dalam menuntut ilmu bagi memastikan mereka berjaya meraih segulung ijazah yang diimpikan. Ungkapan lama meletakkan wanita hanya mampu terperuk di cerukdapur sudah sama sekali tidak relevan lagi pada masa kini.

Penulis menghimpunkan kisah perjuangan 10 tokoh wanita yang terpaksa menempuh pelbagai rintangan demi segulung ijazah. Buku ini menarik kerana olahan cerita yang baik serta berbeza daripada satu kisah dengan yang lain.

Pendekatan santai berinformatif yang digunakan dalam penulisan buku ini membolehkan pembaca terutama wanita memahami serta olahan merasakan sendiri cabaran yang telah dihadapi oleh tokoh-tokoh yang ditonjolkan sehingga ke menara gading. Setiap kisah yang dipaparkan mempunyai keistimewaan yang tersendiri yang boleh dijadikan inspirasi, pembakar semangat dan teladan kepada masyarakat khususnya kaum wanita. Buku ini amat sesuai kepada pelajar-pelajar untuk meningkatkan tekad dan juga bercita-cita untuk menyambung pengajian ke Universiti.

Terdapat satu kisah yang saya kira menarik dimana penulis telah memuatkan kisah seorang anak gadis seawal usia 19 tahun telah merantau ke Amerika Syarikat untuk pengajian sarjananya dan seterusnya ke Britain untuk pengajian Doktor Falsafah. Kisah pengalaman belajar di dua buah negara yang berbeza budaya hidupnya ini amat penting dijadikan panduan dan tauladan bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar Negara.


Bersesuaian dengan tajuk, sisipan kisah ini diharap dapat dikongsi bersama-sama dan menjadi inspirasi dan contoh tauladan kepada khalayak, khususnya kaum wanita. Semoga kisah-kisah ini juga berupaya menyuntik semangat juang kaum wanita, khususnya untuk berusaha menyambung pengajian keperingkat yang lebih tinggi. Tenaga wanita masih diperlukan oleh Negara sebagai suatu kelangsungan perjuangan dalam memakmurkan ilmu dan kesejahteraan hidup.

**Pengulas:**

**Amy Zurina Abdullah**  
Penolong Pengarah  
Pusat Bibliografi Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



ZAINUN ISHAK  
**Kembara Pendaki Wanita**  
Biografi Zaleha Abu Samah  
Petaling Jaya, Selangor :  
ZIT Publishing, 2016.  
191ms.  
ISBN 978-967-5905-05-6

Biografi ini memaparkan kisah seorang pendaki wanita cekal yang bernama Zaleha Abu Samah. Pengalaman serta khidmat bakti beliau dalam dunia pendakian telah diterjemahkan sepenuhnya di dalam buku ini. Dimulakan dengan kisah hidup pada zaman awal persekolahan, zaman remaja, berbakat dalam seni serta sukan, zaman universiti dan kerjaya, seterusnya keterujaan beliau terhadap aktiviti pendakian gunung. Coretan dan laporan daripada pengalaman beliau semasa aktiviti pendakian turut dikongsikan bagi mendekatkan lagi emosi dan menangkap sifat ingin tahu para pembaca terutama yang meminati bidang pendakian. Karya ini boleh memberikan inspirasi kepada generasi muda dalam meneruskan perjuangan dalam apa juga bidang demi mencapai matlamat hidup.


## SINOPSIS BUKU



KHAIRUL ABDULLAH  
**I'm A Backpacker:  
Germany**  
Batu Caves, Selangor :  
Puteh Press, 2017. 216ms.  
ISBN 9789673693573

Jerman adalah sebuah negara yang agak jarang dikunjungi oleh rakyat Malaysia untuk bercuti. Jika ke Eropah, ramai yang akan memilih negara-negara lain sebagai destinasi pilihan percutian berbanding Jerman. Bagi pelancong ataupun pengembara dari negara lain, Jerman adalah destinasi wajib bagi mereka yang ingin melihat keindahan seni bina, pemandangan ala poskad, teknologi hebat, festival yang meriah dan banyak kepelbagaian lain yang boleh diterokai. Negara Jerman kaya dengan sejarah serta alam semula jadi yang sangat cantik. Terdapat hampir 41 lokasi yang terdiri daripada monumen dan alam semula jadi yang diwartakan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Justeru, buku ini adalah buku panduan beserta tip dan bukannya travelog bagaimana untuk menjelajah ke Jerman.

## SINOPSIS BUKU




TENGKU ASMADI  
**Motivasi Anak Power :  
Power Parenting**  
Petaling Jaya, Selangor :  
Galeri Ilmu Sdn. Bhd,  
2016. 126ms.  
ISBN 978-983-097-609-9

Cabaran bagi mendidik anak-anak masa kini berbeza dari satu zaman ke satu zaman. Oleh yang demikian kaedah dan cara mendidik anak-anak juga perlu diubah suai agar selari dengan perkembangan zaman semasa. Namun sedarkah kita ada waktunya kita lakukan kesilapan tanpa kita sedari dalam mendidik mereka. Banyak tip keibubapaan termasuk memberi peluang kepada ibu bapa untuk sama-sama menilai tahap sebenar keibubapaan yang dikongsikan oleh penulis. Penulis menekankan bahawa anak-anak yang cemerlang lahir daripada ibu bapa yang prihatin terhadap ilmu keibubapaan dan boleh diaplikasikan oleh setiap individu dan institusi keluarga bagi membentuk sikap positif ke arah keluarga bahagia. Ibu bapa boleh menjadikan buku ini sebagai panduan dalam memastikan perkembangan yang seimbang dapat diberikan kepada anak-anak agar mereka menjadi insan yang hebat dan berguna.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



DR. ASMADI MOHAMED  
NAIM  
**Q&A Mualamat**  
Petaling Jaya, Selangor :  
Galeri Ilmu Sdn Bhd.,  
2016. 271ms.  
ISBN 9789830976136

Perjuangan muamalat Islam sebenarnya masih panjang. Bidang ini masih memerlukan cita-cita dan cinta untuk diperjuangkan. Lantaran itu, buku ini menjelaskan pelbagai isu kewangan dan muamalat yang sering menjadi isu dalam masyarakat Islam hari ini. Setiap persoalan diuraikan dengan definisi, diperjelas dengan contoh dan dikukuhkan dengan dalil serta fakta yang sahih. Antara isu yang diberi pencerahan adalah seperti berniaga melalui internet, jual beli rumah melalui bank, riba tambahan bayaran, hukum hakam main saham, hukum main kutu, komisyen orang tengah, menang cabutan bertuah dan lain-lain.

## SINOPSIS BUKU




MOHD SHAFIEE HAMZAH  
**Bismillah Yang Hilang**  
Batu Caves, Selangor :  
Must Read Sdn. Bhd,  
2016. 160 ms.  
ISBN 978-967-0716-95-4

Karya yang sarat dengan pengajaran ini ditulis berdasarkan pengamatan penulis terhadap isu-isu yang hadir dalam kalangan masyarakat sekeliling. Memaparkan perkongsian kisah yang dirasakan mempunyai hikmah tersendiri untuk didakwahkan sebagai renungan bersama. Kisah-kisah ini adalah kisah yang realiti dan pasti dalam kehidupan seorang pendakwah. Demi mengajak dan menyedarkan masyarakat agar sentiasa menjadikan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari sebagai pengajaran yang mematangkan diri. Supaya masyarakat dapat membuka mata dan hati dengan setiap peristiwa yang berlaku. Seterusnya dapat dijadikan sebagai pedoman dan hikmah untuk dipelajari dan diteladani.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD LUQMAN  
MAKHTAR  
**Ini Pun Allah Suka**  
Kuala Lumpur : Telaga Biru  
Sdn. Bhd, 2015. 165ms.  
ISBN 978-967-388-272-4

Kehidupan kita sebagai hamba Allah umpama sebuah teka-teki. Ini kerana adakah perbuatan yang kita lakukan itu disukai atau tidak disukai oleh Allah. Bahkan kita sendiri tidak menyedari tentang perkara ini. Buku ini memaparkan banyak panduan tentang cara melaksanakan amalan-amalan sunat yang betul bagi mengurangkan kekeliruan di kalangan pembaca. Turut diselitkan juga banyak sunah-sunah Nabi untuk diikuti dan nasihat serta kisah-kisah yang sarat dengan teladan untuk menjadi seorang Mukmin yang disukai oleh Allah. Menjadi harapan penulis agar pembaca dapat menyedari dan mengetahui amalan dan tatacara yang betul dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Jadi apa tunggu lagi, bak kata penulis '*Ayuh kita pikat Allah dengan perkara-perkara yang disukaiNya. Apabila Allah suka, kita akan bahagia.*

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




ABDUL HADI HAJI  
MOHAMAD  
**Kuintai cinta diteratak  
cita-cita**

Kuala Lumpur: Telaga Biru  
Sdn. Bhd., 2016. 242ms.  
ISBN: 9789673882243

Buku ini mengupas bagaimana kita mampu mengawal perasaan cinta tanpa menganggu hasrat dan impian kita dalam apa jua lapangan yang ingin dicapai. Buku ini juga melontarkan empat persoalan kepada pembaca, iaitu topik mengenai: Bagaimana caranya untuk memperbaiki diri? Cukupkah dengan hanya bertaubat dan solat? Perlukah bertaubat di dalam mengejar cinta dan cita-cita? Di mana harus kita mulakan langkah untuk menjelaki cinta dan cita-cita? Sesungguhnya tidak akan berjaya seseorang manusia itu tanpa dia mengetahui bagaimana ia mampu membina impian, menangkis perasaan sedih dan duka, menghargai kehidupannya, tahu bahawa rindu itu hanyalah sebuah khayalan dan bagaimana rasanya hidup diuji. Apa yang diharapkan buku ini dapat memberi makna yang sebenar cinta dan cita-cita yang tersusun melalui pendekatan wahyu, agama dan psikologi remaja.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



**SUHANA AMIRIL**  
**Aku Chenta Allah**  
Shah Alam, Selangor :  
Grup Buku Karangkraf  
Sdn. Bhd., 2016. 171ms.  
ISBN: 9789678607490

Buku ini adalah sebuah karya motivasi diri mengenai harapan kita terhadap pengampunan Allah SWT disebabkan dosa yang kita lakukan setiap hari. Namun di dalam hati kita meyakini bahawa pengampunan Allah SWT lebih besar daripada segala dosa yang ada di dunia. Allah SWT berfirman: *“Dia maha mengampuni dan menjanjikan syurga bagi yang beriman dan berusaha atas imannya. Dan syurga, adalah antara tempat kerinduan bagi seluruh manusia”*. Begitu juga walau seberat manapun masalah kita di dunia ini, kepada Allah juga tempat kita mengadu. Kehidupan manusia di dunia ini tidak lama, lama kelamaan kita akan kembali juga ke kampung abadi syurga yang abadi. Antara kandungan menarik yang terdapat di dalam buku ini adalah: jangan hilang cinta Allah, mendidik kehendak diri, wahai lidah lembutlah, ajari aku untuk mencintai dan bertuhan itu tiada tempoh.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




HU ANN LEH  
**Tautan Budaya dalam Fiksyen Jong Chian Lai**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,  
2015. 193ms.  
ISBN: 9789834902384

Buku ini asalnya adalah tesis pengijazahan Sarjana Kesusasteraan Melayu, Universiti Sains Malaysia pada 2006 dengan tajuk "Pertemuan Budaya Cina-Hakka dan Iban di Sarawak dalam Fiksyen Terpilih Jong Chian Lai: Satu Kajian Kecekapan Komunikasi Antarabudaya". Setelah melalui pemurniaan kandungan dan bahasa dalam Bengkel Pemurniaan Tesis kepada Buku yang diadakan pada bulan Disember 2011 dan Mei 2012 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara, buku ini diberi judul *Tautan Budaya dalam Fiksyen Jong Chian Lai*. Buku ini menonjolkan teori komunikasi antara budaya yang memaparkan aspek-aspek penting dalam mewujudkan komunikasi berkesan dan harmoni. Walaupun daripada etnik Cina dari Sarawak, Jong Chian Lai lebih banyak memaparkan unsur budaya etnik lain terutama Iban. Mesej Jong Chian Lai dalam buku ini adalah keperluan untuk mewujudkan identiti bangsa Malaysia mencerminkan keseluruhan warga Malaysia.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



SALINA IBRAHIM  
**Mencari Cahaya**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka,  
2016. 353ms.  
ISBN: 9789834908676

Buku ini menceritakan mengenai seorang anak muda yang kurang bernasib baik bernama Kwai. Cahaya dalam diri Kwai sudah lama terpadam. Kehilangan orang tersayang, mencampakkan dia jauh ke dalam sebuah kehidupan yang melarat. Kwai hanya mahu hidup dalam dunianya yang tersendiri sebagai orang gelandangan. Namun, Kwai tidak boleh menyembunyikan diri selama-lamanya kerana hidup ini telah sedia diatur oleh penciptanya. Pada suatu malam, di sebuah lorong sunyi, dia dipertemukan dengan Raiyan. Gaya hidup gelandangannya mencetuskan tanda tanya kepada Raiyan sehingga mendorong anak muda itu mengorek cerita peribadi Kwai. Lalu berlaku pertembungan mengenai seorang mahu membenamkan kisah pahit silamnya dalam-dalam manakala seorang lagi mahu menjadikan sejarah lalu sebagai kekuatan menuju masa hadapan. Sesuatu yang pasti, ada rahsia yang terpendam antara mereka.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




FATHI YUSOF  
**Teknologi Maklumat Dan  
Hak Remaja**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
74ms.  
ISBN: 9789834901882

Buku ini membincangkan undang-undang berkaitan Teknologi Maklumat yang amat berguna kepada semua rakyat terutama remaja. Undang-undang menyediakan panduan umum dan sempadan yang mengawal kita agar tidak melampaui batas apabila menggunakan teknologi. Sempadan ini menjadikan kita pengguna teknologi untuk kebaikan. Undang-undang siber meliputi undang-undang hakcipta, undang-undang jenayah siber, undang-undang fitnah dan undang-undang urus niaga melalui internet. Secara tidak langsung termasuklah perkara yang menyentuh hak asasi seperti hak untuk bersuara, hak privasi dan hak pemilikan harta. Pengetahuan ini dapat memberikan keyakinan diri kepada remaja untuk bertindak berlandaskan kebenaran dan tidak menyalahi undang-undang. Melihat kepada eratnya hubungan remaja dan teknologi maklumat, maka menjadi kemestian kepada golongan ini untuk memahami dan meneliti keseluruhan aspek yang berkaitan dengan alam siber.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




DR. MOHD NASIR HASHIM  
**Memperkasakan Rakyat :  
Analisis Dan Perjuangan**  
Kuala Lumpur : PSM Centre,  
2016. 562ms.  
ISBN: 9789834471873

Buku ini ditulis oleh Dr. Mohd Nasir Hashim merupakan Pengurus Parti Sosialis Malaysia (PSM). Beliau menulis tentang sejarah perjuangan oleh pejuang-pejuang tanahair terdahulu untuk dijadikan penunjuk arah mengenai perkara lalu dan dijadikan pedoman untuk masa kini. Membaca dan memahami sejarah perjuangan yang terdahulu itu penting supaya kesilapan perkara yang lalu tidak diulangi. Segala macam praktis itu harus dilihat kembali, diguna pakai sekiranya bersesuaian dengan keadaan setempat dan zaman. Ambil contoh seperti dikatakan penulis mengenai analisa kelas: "*kelas dalam masyarakat sendiri pun sudah semakin berkembang, tetapi penindas dan yang tertindas masih wujud, yang berubah adalah strategi dan kaedah penindasan, tapi tujuan mereka masih sama iaitu mengaut keuntungan semaksimum mungkin*". Buku ini seharusnya dibaca oleh golongan muda yang masih belum memahami mengenai sosialisme. Pada mereka yang sudah lama mengikuti perjuangan keadilan sosial, buku ini menyegar dan menajamkan lagi aliran pemikiran dengan merujuk kembali kepada asas-asas sosialisme.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




PAHROL MOHD JUOI  
**Allah Dekat Tiada Gawat**  
Kuala Lumpur: Telaga Biru  
Sdn. Bhd., 2017.  
193ms.  
ISBN 9789673882731

Buku ini merupakan satu usaha kecil dari pengarang untuk berdakwah kepada masyarakat bagi mengingatkan masyarakat Islam betapa perlunya Allah berada di dalam hati mereka. Melupakan Allah akan menyebabkan kehidupan menjadi gundah-gulana dan tidak sejahtera. Allah memberi ujian, Allah juga yang memberi penyelesaiannya. Begitulah kasih sayang Allah, setiap penyakit ada ubatnya, setiap kepedihan ada penawarnya. Justeru, mereka yang hidupnya sentiasa merujuk dan akrab dengan Allah, akan sentiasa mendapat bantuan, pemeliharaan dan pimpinan pada setiap kesusahan dan masalah yang menimpa. Pinta dan mohonlah bantuan dari Allah, Dia tidak pernah meminggir, bahkan semakin hampir. Menjauh dari Allah, bererti mengundang keresahan, ketakutan, dan kesedihan dalam kehidupan. Buku ini akan memaparkan betapa indahnya kehidupan apabila sesorang hamba mendekati Allah.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



AIDIL ADHA SULAIMAN  
**Dari Andalusia ke Amerika**  
Selangor: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd., 2015. 303ms.  
ISBN 9789678606127

Naskhah ini menelusuri sejarah zaman perkembangan dan kegemilangan Islam. Dalam jangka masa 100 tahun selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, Islam telah tersebar ke Asia Tengah (Transoxiana) di sebelah timur hingga ke Sepanyol dan selatan Perancis di sebelah barat. Ketika zaman kegemilangannya, umat Islam menguasai pelbagai bidang ilmu dan berjaya membangunkan tradisi saintifik yang terus berkembang, seiring pembangunan kota-kota Islam dan kemajuan sains dan teknologi. Dorongan hebat untuk meluaskan empayar Islam menyebabkan mereka meneroka daratan dan membelah lautan Atlantik hingga ke benua Amerika. Terdapat pelbagai bukti yang menunjukkan penerokaan umat Islam merentasi Atlantik dan menemui Dunia Baru. Bermula daripada catatan awal ahli sejarah Islam Al-Mas'udi tentang pelayaran Khash Khash bin Sa'eed bin Aswad dari Kordoba, pelayaran Ibn Farrukh, catatan Al-Idrisi, pelayaran Syeikh Zainuddin Al-Mazandarani dan ekspedisi kerajaan Mandinka dari Mali, telah memberi maklumat bermakna dalam menyusun cebisan sejarah awal umat Islam di Amerika.

## SINOPSIS BUKU



KAPTEN (B) NORISHAM  
KADMIN

**Borong di China: "Ingat  
Senang Ke?"**


Selangor: Grup Buku  
Karangkraf Sdn. Bhd.,  
2015. 125ms.

ISBN 9789678606233

China bukan sahaja terkenal dengan Tembok Besarnya, tetapi turut menjadi antara negara ekonomi terbesar di dunia sehingga ada yang menggelarnya sebagai ‘kilang atau syurga dunia’. Lambakan barang di seluruh dunia yang menggunakan tag ‘Made in China’ membuktikan kuasa ekonominya. Memberong di China kelihatan mudah, namun tidak semudah itu jika tiada persiapan rapi dilakukan. Modal yang cukup, kefasihan dalam Bahasa Cina atau Inggeris bukan penentu kejayaan memberong di China. Terdapat banyak faktor lain yang sering dipandang mudah oleh para pemberong menyebabkan kegagalan mereka di sana. Buku ini mendedahkan beberapa faktor yang sering menjadi punca kegagalan memberong di China seperti kegagalan menguasai teknik urus niaga pemberongan dan kegagalan dalam teknik pembayaran. Tips-tips memberong turut disertakan sebagai panduan dan tambahan maklumat tempat memberong mengikut jenis barang juga turut disertakan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




SHAH OTHMAN  
**Sukses Bukan Mimpi**  
Selangor: Legacy Publishing,  
2015. 117ms.  
ISBN 9789670893198

Kejayaan adalah sesuatu yang diidamkan. Apabila dapat mengecapinya, ia adalah kejayaan dalam hidup yang tidak akan dilepaskan lagi. Ia akan tersimpan rapi dan dijaga supaya menjadi harta berharga buat pemiliknya. Namun, proses mendapatkan kejayaan bukan mudah. Adakalanya menjadi amat sukar dan perit. Namun, ada yang mendapatnya dengan cara yang mudah. Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa, nasib setiap orang tidak sama. Ada yang menjadi kaya, menjadi terkenal dan menjadi berjaya. Namun ada juga yang jatuh miskin, dihimpit kegagalan dan jatuh sakit. Orang disekeliling ada yang akan mencela, namun jika dari awal kita sudah berkata susahnya muahu menjadi orang berjaya, sampai bila-bila kita tidak akan berjaya. Tidak ada perkara yang mudah atau sukar di dunia ini. Kita sendiri yang menetukan kejayaan atau kegagalan dalam kehidupan kita. Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. Kalau takut berubah, jangan berimpikan kejayaan.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



NAHARI M. ARUKIN  
**Maafkan Ummi, Sayang**  
Selangor: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.,  
2015. 175ms.  
ISBN 9789678605915

Buku ini membicarakan pelbagai perkara dalam membentuk kehidupan keluarga bahagia. Ia dikarang berdasarkan pengalaman penulis dan perkongsian cerita bersama kawan-kawan lalu deslitkan dengan nasihat yang berguna agar pembaca dapat mengambil iktibar dari cerita-cerita yang disampaikan. Buku ini amat sesuai untuk pasangan muda yang baru berumahtangga. Anak-anak merupakan anugerah pinjaman Allah S.W.T. Kehadiran mereka bukan sekadar waddah kebahagian dan lambang ikatan kasih semata-mata. Besar tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak agar menjadi insan berguna kepada agama, bangsa dan negara. Buku ini memberi tips-tips berguna untuk mendidik anak dalam perbagai peringkat usia. Bermula dari seawal kandungan sehingga kelahiran anak dan menginjak remaja. Buku ini turut memberikan panduan bagaimana berhadapan dengan sifat anak yang sukar dilarang kemahuannya.

## SINOPSIS BUKU



ROSANIDA ANANG,  
NORHAYATI IBRAHIM,  
FATIMAH YUSOOFF,  
NOR BA'YAH ABDUL  
KADIR


### Penderaan Seksual Kanak-Kanak

Selangor:Penerbit Universiti  
Kebangsaan Malaysia,2015.  
161ms.

ISBN 9789674122935

Penderaan seksual kanak-kanak bukan satu fenomena baru, malah berlaku pada peringkat global. Kanak-kanak dan remaja adalah golongan yang paling mudah terdedah kepada jenayah seksual kerana mereka adalah golongan yang lemah, memerlukan bimbingan serta bergantung kepada orang yang lebih dewasa. Masalah penderaan seksual kanak-kanak juga dianggap sebagai satu eperdemik dan setiap kanak-kanak dan remaja berisiko untuk berhadapan dengan masalah tersebut. Buku ini memberi penumpuan khusus kepada isu penderaan seksual di kalangan kanak-kanak dan hubungkaitnya dengan implikasi traumatis yang boleh menjelaskan kehidupan mangsa. Secara umumnya masyarakat mengetahui bahawa penderaan seksual bukan hanya memberi kesan secara fizikal, malah mencakupi aspek mental dan emosi seseorang. Justeru itu, buku ini cuba memberi huraian dalam lingkungan aspek psikologi berdasarkan kes sebenar yang berlaku di Malaysia.

## SINOPSIS BUKU



SHAHRIL SALAMON  
**Aku Vs Kanser**  
Subang Jaya, Selangor:  
Galaksi Kreatif Sdn Bhd,  
2016. 139 ms.  
ISBN 9789671389607

Buku Aku Vs Kanser adalah kisah benar mengenai pesakit kanser hidung. Penulis menceritakan betapa beliau tertekan, sedih, murung dan bermacam-macam perasaan bercampur-baur setelah menerima keputusan ujian yang dijalankan. Dunia seakan gelap. Penulis hilang harapan untuk meruskan kehidupan. Pelbagai perkongsian mengenai penyakit kanser ini dikongsi oleh penulis. Pengalaman bersama rakan-rakan yang turut berkongsi penderitaan yang sama turut digarapkan dalam penulisan ini. Penulis berkongsi bahawa walau seberat mana ujian yang diberikan, pastinya ada insan lain yang menerima ujian yang lebih berat. Itu adalah motivasi yang membuatkan penulis terus kuat untuk meneruskan kehidupan sehingga ke hari ini dimana beliau telah disahkan bebas daripada sel kanser tersebut.

## SINOPSIS BUKU




DATO HAJI ABANG MOHD  
SHIBLI BIN HAJI ABANG  
MOHAMAD NAILIE  
**Rakan Zakat Anda :**  
**Bersedia Menghadapi**  
**Perubahan**

Kuching, Sarawak: Koperasi  
Al-Bait Sarawak Berhad,  
2016. 303ms.  
ISBN 9789671065679

Buku Rakan Zakat Anda : Bersedia Menghadapi Perubahan merupakan kesinambungan daripada penerbitan buku Rakan Zakat Anda sebelum ini. Buku ini lahir daripada penulisan artikel yang dikeluarkan setiap minggu dalam akhbar Mingguan Sarawak. Masyarakat Islam hari ini semakin sedar dan cenderung untuk mendalami ilmu pengetahuan tentang zakat. Mengambilkira perkembangan itu, buku ini berupaya membawa para pembaca untuk menyelami dan mendalami perihal ilmu dalam kehidupan selain memberi fokus kepada kefardhuan berzakat dan insitusi pengurusannya agar kita tidak terpesong daripada landasan sebenar seperti yang dikehendaki oleh hukum syarak.


## SINOPSIS BUKU



SYEIKH MAHMUD  
ALMISRI.  
HAJI SUHENDRI IRIANDI  
(penterjemah)  
**I'm Proud To Be A  
Muslimah**  
Puchong : Pustaka Ibnu  
Katsir Sdn Bhd., 2017.  
302ms.  
ISBN 9789670932170

Wanita sering dikaitkan dengan kecantikan, tetapi kecantikan yang bagaimana yang dipandang oleh Allah. Kecantikan sebagai seorang muslimah yang sentiasa sabar, taat dan beriman sehingga bertemu dengan Allah, adalah wanita yang lebih cantik dari seorang bidadari di dalam syurga *Ar-Rahman*. Sifat-sifat muslimah yang dibincangkan oleh penulis di dalam bukunya ini telah memberi penjelasan bahawa setiap perbuatan yang dilakukan akan memberi impak ke atas individu tersebut. Kekhilafan perlu disusuli dengan keampunan dan taubat kepada Allah SWT. Melalui buku ini, panduan dan tip dari penulis akan membantu pembaca dalam memberi ketenangan dan keinsafan dalam mengharungi dugaan hidup di dunia ini. Semoga buku ini memberi manfaat kepada pembaca dan mendapat keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Amin.

## SINOPSIS BUKU



ROZA ROSLAN  
**Travelog Kehidupan Di Sebalik Niqab: Kisah Tersirat**  
Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2016. 271ms.  
ISBN 9789830975955

Buku ini merupakan kisah perkongsian pengalaman penulis ketika bermukim di Turki. Penampilan yang berbeza di mana penulis cuba menerapkan resepi kehidupan dengan resipi masakan kegemaran keluarga dan beliau sendiri. Kisahnya berkisar kepada pengalaman beliau ketika berada di Turki. Melihat kepada kehidupan masyarakat di Turki, makanan yang menjadi kegemaran penduduk Turki, adat dan aktiviti penduduk di Turki dan suasana persekitarannya. Perjalanan penulis perlu dilihat dari sudut kekuasaan Allah yang menciptakan sesuatu kejadian, sebagai contoh apabila penulis menelusuri bazar atau pasar yang menjual pelbagai barang dengan keunikan corak permaidani yang mashur dengan hasil buatan dari tangan-tangan kreatif yang Allah campakkan kelebihan tersebut kepada hamba-hambanya yang terpilih. Di sebalik niqab yang dimaksudkan penulis ialah mengajak pembaca melihat di sebalik keindahan yang dilihat oleh mata kasar adalah kehebatan kekuasaan Allah yang menciptakannya.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



MOHD SOLLEH AB.  
RAZAK  
**Projek Hafal Hadis:**  
**Kaedah Sistematik**  
**Menghafal Sabda Nabi**  
**SAW**  
Sri Damansara : Telaga  
Biru, 2017. 442ms.  
ISBN 9789673882748

Mengenali, mempelajari, memahami dan menghafal hadis Nabawi merupakan amalan yang amat digalakkan dalam Islam. Proses menghafal dan memahami hadis perlu konsisten supaya hadis yang dihafal mudah diingati. Penulis memberi panduan cara menghafal hadis dengan cara mudah. Hadis yang dikumpul oleh penulis dalam bukunya ini merupakan hadis yang ringkas supaya mudah untuk dihafal. Susunan hadis yang diletakkan dalam buku ini tidak memberatkan pembaca, kerana ia dimulai dengan hadis yang mengandungi tiga perkataan sahaja dan seterusnya beberapa perkataan. Penulis juga telah memberikan kemudahan dengan meletakkan maksud hadis di sebelah potongan ayat hadis tersebut supaya pembaca lebih mudah memahaminya. Selain itu, penulis menggunakan pelbagai rujukan dari kitab-kitab para ulama agar pembaca mendapat kesahihan hadis yang dihafal. Semoga buku ini akan memberi manfaat kepada pembaca.

## SINOPSIS BUKU



AL GHAZALI  
**Genghis Khan**  
Batu Caves : PTS  
Publications, 2016.  
217ms.  
ISBN 9789674117467

Novel yang diadaptasi dari kisah sejarah yang pernah menjadi empayar terbesar di dunia dengan penaklukan oleh Genghis Khan. Genghis Khan dikenali sebagai penakluk dunia yang pakar dalam strategi ketenteraan peperangan. Kekuatan tentera Mongol yang diketuai oleh Genghis Khan ini telah menundukkan kerajaan dunia bermula dari negara China sehingga ke Eropah. Kepakaran beliau telah menjadi tanda tanya terutamanya kepada pengkaji dari kalangan para panglima tentera. Walaupun menghadapi pelbagai kesukaran semasa proses menakluki sesebuah daerah, Genghis Khan atau nama asalnya Temujin tetap ingin menjadi ketua yang mempunyai cita-cita menguasai dunia. Selepas kematian ayah, semangat untuk menakluk dunia semakin menyala dan tidak pernah padam walaupun pernah menjadi orang tawanan. Ibunya menjadi orang yang sentiasa memberi nasihat dan motivasi untuk Temujin berjaya. Kehebatan Genghis Khan akan memberi motivasi kepada sesiapa yang membaca novel ini.


## SINOPSIS BUKU



MOHD ZAMRI HUSAINI  
**Cikgu Bukan Ultraman**  
Kuala Lumpur : NAQ  
Publication., 2017. 192 ms.  
ISBN 9789671452745

Mendidik anak-anak abad ke 21 merupakan cabaran besar buat para guru pada hari ini. Cara dan pendekatan yang digunakan mungkin sedikit sebanyak berbeza dengan pendekatan terdahulu. Alvin Toffler, seorang pemikir dan futuris barat pernah menyatakan di dalam buku Rethinking The Future, bahawa buta huruf abad ke 21 bukan hanya dialami oleh orang-orang yang tidak tahu membaca dan menulis sahaja, tetapi mereka yang tidak mahu belajar, berhenti belajar dan mengulang kembali belajar. Buku ini membicarakan dilemma yang dihadapi oleh para guru apabila ibubapa meletakkan sepenuh tanggungjawab dalam mendidik anak-anak mereka di bahu pendidik. Penulis turut mengetengahkan pelbagai pendekatan yang boleh diambil dalam menghadapi cabaran ini serta membincangkan tentang sistem pendidikan yang dirasakan mempu mengubah geografi kemajuan sesebuah masyarakat bangsa dan negara.


## SINOPSIS BUKU



**IMAM MUDA HASSAN**  
**Teh Tarik Nasi Arab**  
Kuala Lumpur : Telaga Biru  
Sdn Bhd., 2016. 160ms.  
ISBN 978-967-388-240-3

Teh Tarik, Nasi Arab ialah hasil gabungan dua dimensi dan dua budaya yang berbeza. Walau bagaimanapun, ia dapat disatukan kerana hasil gabungan ini walaupun nampak seperti pelik pada awalnya, tetapi lama-kelamaan tidak pelik sebenarnya. Buku ini sebagai panduan untuk mereka yang sedang mencari hala tuju hidup yang lebih bermakna kerana terdapat pelbagai hikmah yang dibentangkan dalam buku ini. Penulis juga ingin berkongsi pengalaman dan sedikit pengetahuan dengan bahasa yang tidak terlalu berat. Sesuai untuk semua golongan dan sesuai juga dijadikan sebagai bahan ilmiah untuk membantu rakan-rakan yang sedang mencari isi-isi penting dalam penulisan, bahan tazkirah, ceramah dan seumpamanya.


## SINOPSIS BUKU



ROSLINA ABU BAKAR  
**Interaksi Sosial Dalam  
Penyampaian Cerita  
Rakyat Melayu**  
Serdang, Selangor :  
Penerbit Universiti Putra  
Malaysia, 2014. 111ms.  
ISBN 978-967-344-416-8

Cerita rakyat Melayu berfungsi untuk menyebar serta melestarikan budaya, memberi pengajaran dan bimbingan kepada individu sebagai landasan dalam hidup bermasyarakat. Bagi menyampaikan cerita rakyat Melayu, penglipur lara sentiasa menjana idea baru dan mengaplikasikannya ketika penyampaian agar cerita yang hendak disampaikan menjadi lebih menarik. Buku ini adalah sebuah buku yang sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan dan rujukan kepada pelajar, penyelidik, pencipta budaya dan juga sesuai bagi mereka yang berminat untuk mengetahui dan memahami apa yang tersurat dan tersirat dalam cerita rakyat Melayu. Penulisan ini juga membawa gambaran jelas bahawa keunikian proses interaksi antara penglipur lara dan audien yang membawa fungsi hiburan dan pelajaran berupaya membentuk intelek, emosi dan kerohanian dalam kalangan individu pelbagai peringkat usia.

## SINOPSIS BUKU




APRILIA KARTIKA  
**4 You Ladies**  
Shah Alam, Selangor :  
Grup Buku Karangkraf  
Sdn. Bhd, 2016. 181ms.  
ISBN 978-967-86-0734-6

Perempuan harus mempunyai kualiti, harus ada kepakaran, harus memiliki kepintaran dan yang paling penting, harus ada ilmu agama. Penulis mengajak semua wanita di luar sana supaya menjadi muslimah yang memiliki kualiti baik dari segi pemikiran dan jiwa. Menjadi muslimah yang tidak hanya peduli pada fizikal, namun lebih peduli pada agama, akhlak dan mindanya. Penulis mengajak semua wanita menjadi muslimah sejati dengan mengikuti segala perintah Allah S.W.T dan Rasullulah S.A.W. Muslimah solehah itu akan sentiasa mendekatkan diri kepada Tuhan. "Apabila seorang wanita solat 5 waktu, berpuasa pada bulan Ramadan, menjaga kemaluannya dan taat kepada suami, maka masuklah ia ke dalam syurga melalui mana-mana pintu yang ia suka."

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



ABDUL LATIP TALIB  
**Sultan Abdul Hamid II :**  
**Khalifah Terakhir**  
**Empayar Uthmaniyyah**  
Batu Caves, selangor :  
Publishing House  
Sendirian Berhad, 2016.  
331ms.  
ISBN 978-967-411-853-2

Buku ini merupakan novel sejarah yang ditulis berdasarkan buku-buku tentang Sultan Abdul Hamid II. Beliau merupakan seorang pemimpin Islam semasa pemerintahan Empayar Uthmaniyyah. Buku ini diterbitkan dengan tujuan untuk menggalakkan pembaca mengenali tokoh pejuang Islam semasa zaman kegemilangan Empayar Islam. Pada asalnya, Sultan Abdul Hamid II, mewarisi sebuah empayar yang sudah lemah. Dengan semangat juang yang tinggi demi Islam, baginda berusaha menyelamatkan empayar Uthmaniyyah dengan sedaya upaya. Baginda merupakan antara pemimpin yang sangat berbakat dalam menentang musuh-musuh Islam yang cuba menjatuhkan Empayar Uthmaniyyah.

## SINOPSIS BUKU




CHARLES MOHAN &  
SYARAFUDDIN SULAIMAN  
**Sebenarnya...Anda Tahu  
Segalanya? Anda Yakin?**

Batu Caves, Selangor :  
Puteh Press, 2016. 266ms.  
ISBN 978-967-369-341-2

Buku ini ditujukan kepada semua wartawan di seluruh negara dan juga masyarakat umum supaya lebih memahami kerjaya sebagai wartawan. Pengalaman selama 17 tahun dalam bidang penyiaran/media elektronik dibukukan untuk tatapan semua. Tugas sebagai wartawan amat mencabar, tidak kira wartawan media cetak, elektronik mahupun online, cabaran yang diharungi sama sahaja. Onak dan duri direbah dalam menyiapkan bahan siaran untuk tatapan rakyat tidak boleh dipandang enteng. Tanggungjawab wartawan bukanlah mudah kerana wartawan perlu memastikan bahan yang dilaporkan adalah telus dan tepat walaupun perlu mengejar *deadline* yang sangat singkat. Buku ini menjadi satu alkisah seorang wartawan yang ingin berkongsi pengalaman dengan masyarakat umum bagaimana kerjaya wartawan kepada mereka yang baru menceburi bidang ini.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD FATHI  
YUSOF  
**Fiqah perkahwinan :**  
**Binalah Syurga di Dunia**  
**Demi Sebuah Syurga**  
**Abadi**  
Kuala Lumpur : Telaga  
Biru Sdn Bhd, 2016.  
336ms.  
ISBN 978-967-388-245-8

Perkahwinan merupakan satu perkara yang dituntut dalam Islam. Hubungan antara suami isteri adalah satu rahmat yang besar daripada Allah S.W.T. Perkahwinan ialah satu ikatan yang suci dan murni yang dikurniakan oleh-Nya kepada insan yang bergelar suami dan isteri. Terdapat banyak manfaat perkahwinan iaitu sebagai satu bentuk kepatuhan terhadap perintah Allah S.W.T. dan Rasul dan mengikuti sunnah Rasulullah S.A.W. Perkahwinan juga dapat menundukkan pandangan (nafsu) dan menjauhkan diri daripada fitnah. Ikatan kekeluargaan juga dapat dibentuk dan mendekatkan antara satu sama lain serta memperkuatkan lagi ikatan persaudaraan. Di samping itu, suami dan isteri akan mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah sekiranya berjaya melaksanakan tanggungjawab dengan baik dalam sesuatu perkahwinan.

## SINOPSIS BUKU



AHMAD ZAWAWI  
ABDULLAH  
**Demi Masa**  
**Sesungguhnya Manusia**  
**Dalam Kerugian**  
Rawang, Selangor :  
Pustaka Ilmuwan, 2016.  
244ms.  
ISBN 978-967-0634-49-4

Islam amat menitikberatkan tentang penggunaan masa, sehingga di akhirat nanti manusia akan dipersoalkan mengenai (umur), masa dan bagaimana ia diuruskan. Islam juga telah menjadikan pengurusan masa sebahagian daripada hidup manusia. Maka seseorang yang peka akan memastikan masa diurus dan diguna dengan bijak. Pembaziran masa walaupun sesaat, akan menyebabkan berbagai konflik, penyakit, tekanan, kecelaruan sehingga memberi kesan negatif terhadap kehidupan. Bagi mengelakkan terjadinya hal ini, maka kita perlu bijak membahagikan masa untuk beribadat dan beramal kepada Allah S.W.T dengan mengerjakan solat, puasa, menunaikan haji, berzikir dan seumpamanya. Masa belajar atau menimba ilmu juga perlu ada sama ada untuk pembelajaran secara ilmiah atau tidak melalui pembacaan, perbincangan atau menghadiri majlis ilmu. Masa untuk keluarga juga perlu diurus dengan baik kerana ia adalah menjadi tanggungjawab bersama dalam sesebuah rumah tangga.


## SINOPSIS BUKU



AHMAD IQRAM MOHAMAD NOOR  
**Kau Sembah Apa? : Berdialog Dengan Non-Muslim**  
Batu Caves, Selangor :  
Puteh Press, 2016. 266ms.  
ISBN 978-967-369-334-4

Malaysia terkenal dengan kemajmukan masyarakatnya dan kekuatan Islam pada masyarakat Melayu yang mendominasikan negara ini. Buku ini mendedahkan usaha penulis dalam menilai sejauh mana peranan setiap Muslim dinegara ini dalam menyebarkan dakwah mengenai Islam. Dalam dunia ilmu, perihal ini perlu dipelajari dan fahami untuk memiliki konsep pemikiran yang adil terhadap agama-agama lain. Ini kerana, apabila sering kali mendedahkan agama lain dengan konsep menyerang, ia juga menimbulkan pelbagai persepsi yang keruh kepada agama lain. Maka, ini boleh menyebabkan berlakunya paranoid yang tidak berasas kepada mereka. Buku ini dapat memberi gambaran dan manfaat untuk kita lebih memahami dan bertoleransi antara agama Islam dan agama-agama yang lain.


## SINOPSIS BUKU



NORZAILINA NORDIN  
**Resipi Homemade**  
Shah Alam, Selangor : Grup  
Buku Karangkraf, 2016.  
172ms.  
ISBN 978-967-86-0756-8

Masyarakat kini sering dihantui dengan kes makanan proses yang mengandungi bahan kimia yang tinggi, kadar bahan pengawet yang tidak sesuai dan tidak berkhasiat, tidak segar malah terdedah kepada elemen penyakit disebabkan penyediaan makanan yang tidak bersih. Buku ini memfokuskan kepada penyediaan makanan yang dibuat sendiri tanpa menggunakan bahan pengawet yang berbahaya kepada kesihatan. Pelbagai cara untuk menyediakan mi kuning, laksa, pasta, daging burger, cheesy wedges, aneka sos, roti, nuget dan keropok lekor dipaparkan beserta ilustrasi yang menarik. Resipi-resipi yang ditunjukkan dalam buku ini bukan sahaja dapat menjimatkan masa di dapur, malah boleh dipraktikkan oleh mereka yang ingin memulakan perniagaan dari rumah.


## SINOPSIS BUKU



**SALHAH ABDULLAH**  
**Panduan Membina Harga**  
**Diri**  
Nilai, Negeri Sembilan :  
Penerbit USIM,  
2015.159ms.  
ISBN 978-967-440-132-0

Harga diri berkait rapat dengan perasaan dihargai kerana berjaya melakukan tanggungjawab menjaga nama baik agama, keluarga, masyarakat dan bangsa. Sebaliknya, berasa rendah diri jika gagal menunaikan tanggungjawab tersebut. Buku ini membantu ahli akademik khususnya dalam bidang psikologi, kaunseling dan sosiologi memahami konsep harga diri yang merupakan satu nilai moral. Perbincangan terkini daripada dua bahagian, iaitu kupasan tentang konsep, teori dan kajian berkaitan harga diri dan 20 resipi membina harga diri . Buku ini sesuai dijadikan panduan oleh semua golongan khususnya remaja yang menghadapi dilema hilang harga diri, pendidik, kaunselor dan ibu bapa dalam membantu anak-anak membina kehidupan yang lebih bermakna dan sejahtera.

## SINOPSIS BUKU



NORAIEN MANSOR  
**Sengketa Bahasa Dalam  
Penerbitan Ilmiah**  
Kuala Terengganu,  
Terengganu : Penerbit UMT,  
2014. 28ms.  
ISBN 978-967-0524-75-7

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi negara masih melalui proses untuk mencapai tahap ketertinggian kedudukannya selaras dengan status yang termaktub sebagai Bahasa Kebangsaan, Bahasa Rasmi dan Bahasa Ilmu Negara. Buku ini merupakan hasil daripada kajian kes yang melibatkan 13 Kluster dalam Majlis Profesor Negara (MPN) pada tahun 2014. Penilaian dilaksanakan ke atas penerbitan ilmiah yang difokuskan kepada tiga kategori utama, iaitu penerbitan buku (buku, monograf, bab dalam buku), artikel dalam jurnal dan artikel dalam prosiding. Hasil yang diperoleh menunjukkan bahawa penerbitan ilmiah bagi setiap kluster dikuasai oleh penerbitan dalam bahasa Inggeris. Sementara bahasa Melayu tidak menjadi keutamaan dalam memberikan gambaran bahawa IPTA di Malaysia tidak memberi sumbangan yang memberangsangkan dalam memartabatkan bahasa Melayu dalam bidang penerbitan mereka.